

Sekiranya Sistem Saraan Kerajaan (SSK) diterima — CUEPACS

Kenaikan gaji 30%

UM 25 MAR 2001

Oleh YUSRI SAHAT
dan SAIFULIZAM MOHAMAD

KUALA LUMPUR 24 Mac — Hampir 400,000 kakitangan awam Sokongan II dijangka mendapat kenaikan gaji 30 peratus jika Sistem Saraan Kerajaan (SSK) yang dicadangkan oleh CUEPACS diterima oleh kerajaan.

Sistem itu yang dikatakan lebih baik berbanding Sistem Saraan Baru (SSB) turut menetapkan gaji permulaan bagi kumpulan itu RM900 berbanding RM600 sebulan sekarang.

Kedua-dua cadangan itu terkandung dalam memorandum gaji yang dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) baru-baru ini bagi menggantikan SSB yang dikatakan terdapat banyak kelemahan.

CUEPACS berbuat demikian selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bersetuju dengan cadangan mereka pada 14 Mac lalu, supaya jadual gaji matrik dalam SSB dikaji semula dengan serta-merta oleh JPA.

Ketika ditemui di pejabatnya di sini, hari ini, Presiden CUEPACS, N.Siva Subramaniam berkata, antara cadangan lain ialah:

- Penganugerahan bonus sebulan atau setengah bulan gaji kepada kakitangan cemerlang bagi menggantikan pergerakan gaji melintang dan menegak;
- Kenaikan gaji tahunan secara automatik;
- Kerja lima hari seminggu;
- Pelaksanaan kenaikan pangkat kakitangan secara automatik jika telah berkhidmat lebih 15 tahun; dan
- Kuota penerima anugerah cemerlang ditambah kepada 20 peratus berbanding lima peratus dalam SSB.

Bagi 554 kakitangan awam dalam Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) pula, katanya, CUEPACS mencadangkan

■ Lihat muka 4

UM 25 MAR 2001

Kenaikan gaji 30%

diberi kenaikan gaji sebanyak dua peratus.

Isu SSB ini sudah lama diperkatakan sejak diperkenalkan pada 1 Januari 1992.

Antara kelemahan yang sering dibangkitkan oleh kakitangan awam ialah sikap pilih kasih ketika membuat penilaian prestasi.

Siva berkata, sekiranya kerajaan melaksanakan sepenuhnya cadangan itu, ia tidak akan melibatkan peruntukan yang besar.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, beberapa cadangan lain yang dikemukakan kepada JPA termasuk meminta kerajaan mengkaji semula tuntutan elaun perjalanan kakitangan awam.

Bagi kakitangan awam yang memperoleh gaji tidak kurang RM1,367 sebulan, katanya, layak menuntut elaun perjalanan kelas B dengan sukatan kenderaan 1,000cc ke atas.

Beliau berkata, cadangan SSK itu akan dibincangkan secara terperinci dalam mesyuarat majlis kongres CUEPACS keempat di sini, esok.

Sementara itu, CUEPACS berharap JPA dapat menyediakan cadangan balas berhubung memorandum gaji itu untuk segera dikemukakan kepada Dr. Mahathir.

“Perdana Menteri telah meminta laporan itu dihantar dengan segera. JPA tidak boleh bertanggung-tanggung dalam perkara ini,” katanya.

Beliau yakin, SSK yang dicadangkan itu lebih adil dan telus berbanding SSB terutama ketika penilaian prestasi dibuat oleh ketua jabatan masing-masing.

Siva menarik perhatian, SSB dari segi pelaksanaan banyak kelemahan dan gagal memberi kepuasan sebahagian besar anggota sektor awam.

“SSB yang telah dilaksanakan sembilan tahun lalu hanya memberi manfaat kepada lima peratus kakitangan awam manakala 95 peratus yang lain tidak mendapat penilaian sewajarnya walaupun mereka bekerja bersungguh-sungguh,” katanya.

Beliau mendakwa, SSB mengamalkan sistem kuota dan cenderung mewujudkan sistem kasta yang keterlaluan hingga menyebabkan kakitangan lain yang bekerja bersungguh-sungguh tidak mendapat penilaian sewajarnya daripada ketua jabatan.